| | |
|---|---|
| **1.** | **PENGURUS ESTET**<br>**JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA**<br>**KEMENTERIAN PERTAHANAN**<br>**B.2 EB.3 ($2,270 - $4,240 SEBULAN) ATAU**<br>**B.2 ($2,270 - $3,760 SEBULAN)**<br>**KEKOSONGAN=1** |

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Awam / Struktur Bangunan / Mekanikal / Elektrikal / Arkitek / Juruukur Bahan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang yang tersebut diatas adalah kelebihan.

b) **TANGGAGAJI B.2:**

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Struktur Bangunan / Mekanikal / Elektrikal / Arkitek / Juruukur Bahan atau bidang bersesuaian serta telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS ESTET:**

1. Mengetuai Bahagian Pemeliharaan Estet Cawangan.

2. Melaksanakan, menyelenggara, menyelaras dan merancang kerja-kerja di bawah jagaannya serta peruntukan belanjawan.

3. Menjadi Pegawai Pengawas (S.O) kepada kontrak-kontrak, projek-projek dan sebutharga yang dikendalikan oleh JPPK seperti diarahkan. Ini termasuk membuat laporan-laporan yang bersangkutan dengannya.

4. Membantu / Memberi khidmat nasihat teknikal kepada *'Vote Controller'* Pemerintah Garison di dalam pelaksanaan kerja-kerja.

5. Membuat laporan-laporan yang bersangkutan dengan kerja, belanjawan dan pentadbiran.

6. Membantu dan menunjuk ajar pegawai teknik.

7. Mentadbir dan mengurus pegawai dan kakitangan di bawahnya.

8. Melaksanakan kerja-kerja sepertimana diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.